

Faktor yang Mempengaruhi Literasi Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti

Mohd Aidil Riduan Awang Kader*¹, Nurul Fatimah Najwa Muhammad Hisham²,
Noor Natasha Kassim³, Nur Safiyyah Hafizah Md Ali Hanafiah⁴ & Nuruljannah Jusoh⁵

^{1,2,3,4,5} Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Jengka,
26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia
aidilriduan@uitm.edu.my
*Corresponding Author

Received: 03 January 2024

Accepted: 22 February 2024

Date Published Online: 15 March 2024

Abstrak: Ramai pelajar universiti bergelut dengan pengurusan kewangan akibat kekurangan pendidikan kewangan, tekanan emosi dan daya tahan, pengaruh rakan sebaya, dan pengiklanan, sekaligus menyebabkan kebanyakan pelajar berbelanja secara tidak rasional. Kajian ini bertujuan untuk menganalisa pendidikan kewangan, kuasa-prestij, ketidakpercayaan, dan kebimbangan sebagai faktor-faktor penting yang mempengaruhi literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti. Metodologi penyelidikan kuantitatif telah digunakan yang melibatkan pengumpulan data menggunakan soal selidik. Data kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 27. Responden kajian merupakan para pelajar semester 5 yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pejabat di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pahang. Hasil kajian menunjukkan pendidikan kewangan mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan literasi kewangan. Walau bagaimanapun, faktor-faktor lain seperti prestij-kuasa, ketidakpercayaan, dan kebimbangan tidak menyumbang kepada tahap literasi kewangan pelajar universiti. Kajian ini diharap dapat memberi kesedaran tentang kepentingan literasi kewangan dan membantu pihak pengurusan universiti serta agensi kerajaan dan swasta dalam merangka dan menjalankan program-program kewangan dengan lebih efektif bagi meningkatkan tahap literasi kewangan dalam kalangan masyarakat termasuk pelajar universiti.

Kata Kunci: kebimbangan, ketidakpercayaan, literasi kewangan, pelajar, pendidikan kewangan

Pengenalan

Literasi kewangan atau celik kewangan adalah keupayaan untuk memahami dan menggunakan pelbagai kemahiran dan produk kewangan, seperti belanjawan, pelaburan, pinjaman, percukaian, dan pengurusan kewangan peribadi. Ia membolehkan individu membuat keputusan kewangan dengan lebih berkesan dan mencapai objektif kewangan mereka selain dapat melindungi diri daripada penipuan berkaitan kewangan. Namun begitu, sebilangan besar individu termasuk pelajar kurang mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan kewangan dan keupayaan untuk menguruskan kewangan peribadi dengan berkesan. Ramai pelajar universiti bergelut dengan pengurusan kewangan yang betul terutamanya apabila mereka mengalami pelbagai godaan dan tekanan untuk berbelanja secara berlebihan. Kekurangan ilmu kewangan, tekanan emosi dan daya tahan, pengaruh rakan sebaya, budaya pengguna, dan aktiviti pemasaran seperti pengaruh iklan adalah antara sebab mengapa pelajar cenderung berbelanja secara berlebihan dan tidak berhemah. Ini menyebabkan kebanyakan pelajar membuat perbelanjaan yang tidak rasional dan impulsif yang melebihi pendapatan dan belanjawan mereka. Perbelanjaan yang berlebihan ini boleh memberi kesan buruk kepada pelajar, termasuk berhutang, menjejaskan kesejahteraan emosi seperti tekanan, dan seterusnya boleh menjejaskan pencapaian akademik mereka. Jabatan Insolvensi Malaysia melaporkan sehingga November 2023,

jumlah kes muflis rakyat Malaysia adalah agak tinggi iaitu sebanyak 238,097 kes. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 57.31% adalah daripada golongan belia dan generasi muda. Ini menunjukkan kadar literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia terutama golongan belia dan generasi muda agak rendah, termasuklah pelajar universiti. Selain itu, skor tahap literasi kewangan rakyat Malaysia juga adalah rendah iaitu sebanyak 52.3% berbanding negara jiran Indonesia iaitu sebanyak 53.2% (Khalisharani et al., 2022).


Ramai pelajar mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah akibat kurangnya pendidikan kewangan. Akibatnya, apabila pelajar mempunyai wang yang banyak, mereka akan membelanjakannya untuk barangan yang kurang penting atau tidak diperlukan. Tabiat berbelanja ini menunjukkan keperluan untuk pelajar meningkatkan literasi kewangan mereka. Pendedahan awal berkaitan ilmu dan pendidikan kewangan amat penting untuk mengubah cara berfikir dan meningkatkan pengetahuan tentang kepentingan literasi kewangan (Wagner, 2019). Selain itu prestij-kuasa juga boleh mempengaruhi literasi kewangan. Prestij-kuasa merujuk kepada tahap dimana individu menganggap wang sebagai simbol status, pencapaian, dan pengaruh (Sabri et al., 2020). Individu dengan sikap prestij-kuasa yang tinggi akan menggunakan wang untuk menarik perhatian orang lain, lebih suka menunjuk, ego, dan menggunakan wang untuk menonjolkan diri. Mereka lebih gemar berbelanja dan bersikap boros seperti kata pepatah “biar papa asal bergaya”. Ketidakpercayaan berkaitan hal kewangan juga boleh mempengaruhi tahap literasi kewangan seseorang individu. Ini bermaksud individu yang mempunyai rasa tidak percaya berkaitan hal kewangan yang tinggi akan lebih berhati-hati dengan maklumat yang diperolehi dan akan membuat penilaian terhadap sesuatu produk atau perkhidmatan yang baru diperkenalkan (Widyakto et al., 2022). Mereka juga akan meminta bantuan dan pendapat orang lain sebelum membeli sesuatu produk yang jarang atau tidak pernah dibeli. Individu yang lebih skeptikal, kritis, dan berwaspada dalam hal kewangan berkemungkinan kecil menjadi mangsa penipuan dan eksploitasi kerana mereka menunjukkan kadar literasi kewangan yang tinggi (Ahmad, 2020). Kebimbangan boleh mempunyai pelbagai kesan terhadap literasi kewangan. Dalam skop literasi kewangan, kebimbangan mencerminkan kekurangan keyakinan seseorang individu terhadap kebolehan menguruskan kewangan sendiri. Individu yang mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi berkemungkinan kurang celik kewangan kerana mereka kurang melabur serta cenderung untuk membuat keputusan yang tidak rasional dan membuat kesilapan dalam aspek kewangan (Saiedi et al., 2020). Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti, merangkumi pendidikan kewangan, prestij-kuasa, ketidakpercayaan, dan kebimbangan terhadap hal berkaitan kewangan. Hasil kajian ini diharap dapat memberi kesedaran kepada para pelajar mengenai pentingnya mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi supaya mereka boleh membuat keputusan dan menguruskan kewangan dengan lebih bijak dan berhemah. Selain itu, ia juga diharap dapat membantu pihak universiti serta agensi kerajaan dan swasta dalam merangka dan melaksanakan program kewangan yang lebih berkesan pada masa hadapan. Ini seterusnya boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara melalui masyarakat yang mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi.

Kajian Lepas

Teori Asas

Kajian ini berlandaskan kepada beberapa teori dan model yang menjelaskan hubungan antara literasi kewangan dengan keputusan dan hasil kewangan. Lusardi (2023) mencadangkan satu rangka kerja keupayaan kewangan yang menyatakan bahawa literasi kewangan terdiri daripada empat komponen asas iaitu pengetahuan, kemahiran, sikap, dan tingkah laku. Metodologi ini meletakkan kepentingan yang signifikan terhadap kesan pemboleh ubah kognitif dan bukan kognitif serta persekitaran luaran dalam menentukan tahap literasi kewangan (Lusardi, 2023). Kajian ini juga bersandarkan kepada Teori Sosialisasi Kewangan yang diperkenalkan oleh Gudmunson and Danes (2011) yang menyatakan bahawa hubungan interpersonal mempunyai kesan yang besar terhadap perkembangan literasi kewangan. Celik maklumat kewangan dianggap sebagai keperluan bagi individu untuk mencapai literasi kewangan yang dipupuk oleh didikan awal ibu bapa terhadap anak-anak yang memberi kesan

kepada tahap literasi kewangan mereka. Teori ini juga menyatakan bahawa tahap literasi kewangan terhasil daripada interaksi tiga faktor utama iaitu keluarga, sekolah, dan media. Akhir sekali, Teori Dwi-proses menyatakan bahawa membuat keputusan kewangan dipengaruhi oleh dua cara pemikiran yang berbeza iaitu yang berlandaskan gerak hati dan yang bersifat analitikal. Teori tersebut berpendapat bahawa literasi kewangan memberi kesan yang berbeza terhadap kualiti pertimbangan keputusan kewangan bergantung kepada keadaan (Evans & Stanovich, 2013). Oleh itu, dalam kajian ini, empat faktor penentu yang menyumbang kepada tahap literasi kewangan adalah bersandarkan kepada teori tersebut dan model kajian ini ditunjukkan seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1. Model Kajian

Literasi Kewangan

Literasi kewangan adalah keupayaan untuk memahami dan menggunakan pelbagai kemahiran kewangan dengan berkesan, termasuk pengurusan kewangan peribadi, belanjawan, dan pelaburan. Dalam erti kata lain, literasi kewangan merujuk kepada kecekapan seseorang individu untuk mengetahui, memahami, dan menilai maklumat tentang kewangan (Hazudin et al., 2018). Pengurusan kewangan amat penting dalam mendisiplinkan individu untuk membuat perbelanjaan secara berhemah dan seterusnya mewujudkan kehidupan yang berkualiti. Kajian terdahulu mendapati kebanyakan pelajar tidak mengamalkan kemahiran pengurusan wang yang baik (Hazudin et al., 2018; Md Zeni et al., 2021; Sushma & Chaarumala, 2023). Tahap literasi kewangan yang tinggi adalah perlu bagi mengelakkan isu masa depan yang berpunca daripada kurangnya pemahaman tentang pengurusan kewangan peribadi, terutama dalam kalangan pelajar. Kajian yang dibuat oleh Sharma (2004) menunjukkan tahap literasi yang lemah dalam kalangan ramai pelajar universiti memaksa mereka membuat kerja sambil untuk menampung kos pengajian serta perbelanjaan harian akibat boros berbelanja. Selain itu, Lusardi dan Messy (2023) menyatakan bahawa literasi kewangan mempunyai kesan terhadap kesejahteraan kewangan individu termasuk pelajar. Tahap literasi kewangan yang rendah menyebabkan individu tidak dapat membuat keputusan kewangan dengan bijak. Mereka juga mendapati bahawa golongan wanita, kanak-kanak, warga tua, dan individu dengan tahap pendidikan yang rendah mempunyai tahap literasi kewangan yang lemah. Menurut Rahman et al. (2021), literasi kewangan adalah penting kerana ia membolehkan orang ramai membuat keputusan kewangan yang bijak, memahami maklumat, dan menggunakan instrumen kewangan asas yang seterusnya dapat meningkatkan kesejahteraan hidup.

Pendidikan Kewangan dan Literasi Kewangan

Pendidikan kewangan merupakan proses mempelajari cara mengendalikan dan memahami kewangan termasuk memahami dan merancang untuk mengendalikan hutang, pelaburan, dan membuat

belanjawan (Lusardi, 2019). Konsep tersebut merujuk kepada corak pemikiran dan tingkah laku seseorang yang membawa kepada perubahan sikap dalam mengendalikan kewangan. Asas yang kukuh dalam pendidikan kewangan diperlukan untuk mendidik masyarakat, terutama generasi muda, mengenai perbelanjaan berhemah. Kajian yang dibuat oleh Wagner (2019) di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa pelajar yang menerima pendidikan kewangan mempunyai skor literasi kewangan lebih tinggi berbanding mereka yang tidak mempunyai pendidikan kewangan. Manakala, Estelami dan Estelami (2023) mendapati bahawa individu yang menggunakan gaya kognitif analitikal dan intuitif dalam membuat keputusan kewangan mempunyai tahap celik kewangan yang lebih tinggi hasil daripada pendidikan kewangan. Hasil kajian ini selari dengan Lusardi (2019) yang menyifatkan pendidikan kewangan sebagai asas penting untuk meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan pengguna termasuk pelajar. Namun begitu, Jerrim et al. (2022) mendapati sebahagian masyarakat, terutama golongan muda, masih mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah dan tidak dapat menggunakan kemahiran kewangan yang dipelajari dalam situasi dunia sebenar. Berdasarkan hujah ini, hipotesis berikut dicadangkan:

H1: Terdapat hubungan positif yang signifikan antara pendidikan kewangan dan literasi kewangan pelajar universiti.

Prestij-kuasa dan Literasi Kewangan

Prestij-kuasa merujuk kepada situasi dimana wang dianggap sebagai simbol status, pencapaian, dan pengaruh. Individu yang mempunyai sikap prestij-kuasa tinggi menghargai wang untuk kepentingan sosial dan peribadi mereka, dan berkemungkinan menggunakan wang untuk menarik perhatian orang lain atau meningkatkan harga diri mereka. Status kuasa boleh memberi kesan positif dan negatif kepada literasi kewangan. Ramai berpendapat bahawa prestij-kuasa boleh memberi inspirasi kepada orang ramai untuk mengetahui lebih lanjut tentang kewangan dan mendapatkan nasihat kewangan bagi mencapai matlamat kewangan dan meningkatkan imej sosial mereka. Sebaliknya, prestij-kuasa boleh membawa kepada perbelanjaan yang berlebihan, hutang, dan tingkah laku kewangan yang berbahaya kerana individu tersebut mungkin mengabaikan sekatan kewangan mereka dan berkelakuan secara impulsif atau emosi (Sabri et al., 2020). Beberapa kajian terdahulu mendapati terdapat korelasi positif antara literasi kewangan dan prestij-kuasa, sekaligus menunjukkan bahawa mereka yang menghargai wang untuk faedah sosial lebih berpengetahuan dan cekap dalam segi kewangan. Kajian oleh Pereira dan ve Coelho (2020) terhadap 682 pelajar di universiti awam Portugal mendapati prestij-kuasa berkait secara positif dengan literasi kewangan. Namun, tidak semua kajian bersetuju dengan kesimpulan ini. Menurut beberapa kajian, prestij-kuasa mungkin memberi kesan negatif atau tiada kesan terhadap celik kewangan bergantung kepada elemen-elemen seperti keperibadian, budaya, atau pendidikan. Sebagai contoh, kajian oleh Ida et al. (2020) mendapati amalan pengurusan kewangan generasi milenial di Bandung, Indonesia tidak terjejas dengan ketara oleh prestij-kuasa. Mereka berpendapat bahawa ini mungkin kerana responden mempunyai tahap literasi kewangan yang lemah. Maka, hipotesis berikut telah dibuat berdasarkan hujah di atas:

H2: Terdapat hubungan positif yang signifikan antara prestij-kuasa dan literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti.

Ketidakpercayaan dan Literasi Kewangan

Ketidakpercayaan mempunyai pelbagai kesan terhadap literasi kewangan. Daripada sudut positif, ketidakpercayaan boleh memanfaatkan literasi kewangan dengan menggalakkan orang ramai supaya lebih berhati-hati, kritis, dan sedar tentang hal kewangan, sekaligus mengelakkan penipuan dan eksploitasi. Sebaliknya, syak wasangka boleh membahayakan literasi kewangan kerana ia menghalang individu daripada mengakses sumber kewangan, peluang, dan nasihat yang berharga serta menghalang pilihan dan hasil kewangan mereka (Widyakto et al., 2022). Beberapa penyelidikan terdahulu mendapati terdapat korelasi negatif antara literasi kewangan dan ketidakpercayaan. Ini bermakna mereka yang mempunyai tahap kepercayaan yang rendah terhadap sesuatu produk atau institusi kewangan biasanya mempunyai tahap pemahaman dan literasi kewangan yang lebih rendah.

Menurut Shih dan Ke (2014), salah satu elemen utama yang mempengaruhi literasi kewangan pelajar di Amerika Syarikat adalah ketidakpercayaan. Mereka berpendapat bahawa ketidakpercayaan mungkin mengakibatkan pilihan dan hasil kewangan yang buruk, seperti kurang menyimpan dan perbelanjaan yang berlebihan. Manakala, Ahmad (2020) mendapati bahawa ketidakpercayaan berkorelasi positif dengan literasi kewangan, sekaligus mencadangkan bahawa individu dengan tahap pemikiran tidak percaya dan berjimat cermat yang tinggi akan mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi. Berdasarkan hujah di atas, hipotesis berikut adalah dicadangkan:

H3: Terdapat hubungan positif yang signifikan antara ketidakpercayaan dan literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti.

Kebimbangan dan Literasi Kewangan

Secara amnya, kebimbangan dilihat sebagai sikap wang yang negatif kerana ia menunjukkan kekurangan kepercayaan diri dan kesejahteraan kewangan. Kebimbangan boleh mengurangkan literasi kewangan dengan merendahkan motivasi, perhatian, dan prestasi individu dalam hal-hal berkaitan kewangan sambil meningkatkan kesilapan, berat sebelah, dan ketidakrasionalan mereka. Akan tetapi, kebimbangan juga boleh membawa beberapa kesan positif, seperti merangsang individu untuk mendapatkan bantuan, belajar, dan memperbaiki keadaan kewangan mereka (Bana Lim et al., 2021). Beberapa kajian terdahulu menunjukkan bahawa literasi kewangan dan kebimbangan berkorelasi secara negatif. Sehubungan dengan itu, mereka yang lebih bimbang tentang wang biasanya mempunyai tahap celik kewangan yang lebih rendah dan begitu juga sebaliknya. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap tekanan kewangan, semakin rendah tahap kepercayaan literasi kewangan dan akhirnya menurunkan kesejahteraan kewangan seseorang. Individu yang terus mendedahkan kebimbangan akan cenderung mempunyai niat untuk membuat lebih banyak pinjaman (Desarbo & Edwards, 1996). Kajian oleh Perry et al. (2023) mendapati literasi kewangan memberi kesan kepada kebimbangan kewangan apabila ia berkaitan dengan hutang. Penemuan ini menunjukkan bahawa kebimbangan kewangan pelajar boleh dikurangkan melalui strategi yang memberi tumpuan kepada persepsi subjektif hutang dan keadaan ekonomi. Maka, hipotesis berikut dicadangkan berdasarkan hujah di atas:

H4: Terdapat hubungan positif yang signifikan antara kebimbangan dan literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi berbentuk kuantitatif dan kaedah persampelan mudah. Kaedah pensampelan mudah digunakan kerana ia merupakan cara yang cepat, mudah dan menjimatkan untuk mendapatkan data daripada responden serta paling boleh dicapai oleh penyelidik (Sedgwick, 2013). Sampel saiz terdiri daripada pelajar semester 5 yang mengikuti program Sarjana Muda Pengurusan Pejabat di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang. Untuk memberikan tahap keyakinan yang mencukupi dalam kajian, semua pelajar semester 5 Sarjana Muda Pengurusan Pejabat telah disasarkan iaitu sebanyak 95 orang pelajar. Walau bagaimanapun, hanya 77 responden menjawab soal selidik yang diberikan melalui “Google Form”, iaitu bersamaan dengan kadar respons sebanyak 81%. Data telah dikumpul menggunakan soal selidik yang terbahagi kepada 2 bahagian: Bahagian A dan B. Bahagian A direka untuk mengukur literasi kewangan. Responden perlu menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap setiap pernyataan berdasarkan Skala Likert 5 mata antara 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju). Semua pernyataan dalam bahagian ini merujuk kepada empat konstruk yang relevan untuk mengukur literasi kewangan, iaitu pendidikan kewangan, prestij-kuasa, ketidakpercayaan, dan kebimbangan. Sumber soal selidik ini diperolehi daripada Glaser dan Walther (2014), Lay dan Furnham (2019), Chen dan Volpe (2002), Roberts dan Jones (2001) dan ia disesuaikan untuk tujuan kajian ini. Manakala, Bahagian B direka untuk mendapatkan maklumat demografi responden menggunakan format aneka pilihan tertutup.

Data tinjauan telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 27.0. Aroses analisis data merangkumi empat bahagian utama. Pertama, ringkasan ciri umum semua responden daripada segi maklumat demografi. Kedua, teknik analisis faktor digunakan untuk mengenal pasti dimensi penting literasi kewangan. Komponen setiap faktor yang diekstrak diuji untuk kebolehpercayaan ketekalan dalaman menggunakan alfa pekali Cronbach. Ketiga, analisis korelasi Pearson digunakan untuk menerangkan kekuatan dan arah faktor yang diekstrak serta bagi menguji hipotesis. Akhir sekali, analisis regresi dilakukan untuk mengenal pasti sejauh mana setiap pemboleh ubah tidak bersandar dapat meramal atau menjelaskan literasi kewangan.

Analisis dan Perbincangan

Profil Demografik Responden

Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Dapat dilihat bahawa bilangan responden perempuan (93.53%) adalah lebih ramai berbanding responden lelaki (6.5%). Majoriti responden berumur antara 21 hingga 22 tahun (89.6%) diikuti oleh mereka yang berumur 23 hingga 25 tahun (9.1%) dan lebih daripada 25 tahun (1.3%). Dalam aspek kelas pengajian, kebanyakan responden adalah daripada kelas D (31.2%), diikuti oleh kelas A (26%), kelas B (23.4%), dan kelas C (19.5%).

Jadual 1. Profil Demografi Responden

	Pembolehubah	Nilai Pembolehubah	Kekerapan	Peratusan (%)
1	Gender	Lelaki	5	6.5
		Perempuan	72	93.5
		Jumlah	77	100.0
2	Umur (Tahun)	21-22	69	89.6
		23-25	7	9.1
		>25	1	1.3
		Jumlah	77	100.0
3	Kelas	A	20	26.0
		B	18	23.4
		C	15	19.5
		D	24	31.2
		Jumlah	77	100.0

Analisis Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan instrumen telah diukur menggunakan pengukuran alfa Cronbach untuk menunjukkan kebolehpercayaan konsistensi dalaman. Sesuatu item dianggap boleh dipercayai apabila skor alfa Cronbach melebihi 0.6. Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai alfa pekali bagi semua pemboleh ubah yang diukur melebihi 0.6 (rujuk Jadual 2). Dapatan ini menunjukkan bahawa semua skor skala soal selidik mempunyai kebolehpercayaan konsistensi dalaman yang mencukupi.

Jadual 2. Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan

Pembolehubah	Cronbach's Alpha	Bilangan Item
Literasi Kewangan	0.621	5
Pendidikan Kewangan	0.730	5
Prestij-Kuasa	0.794	5
Ketidakpercayaan	0.676	5
Kebimbangan	0.745	5

Analisis Korelasi

Analisis korelasi dijalankan untuk menguji hubungan antara pemboleh ubah yang dikenal pasti. Bahagian ini menganalisis hubungan antara pemboleh ubah berikut:

- 1) Hubungan yang positif antara pendidikan kewangan dan literasi kewangan
- 2) Hubungan yang positif antara prestij-kuasa dan literasi kewangan
- 3) Hubungan yang positif antara ketidakpercayaan dan literasi kewangan
- 4) Hubungan yang positif antara kebimbangan dan literasi kewangan

Ujian ini dilakukan menggunakan dua kaedah, iaitu ujian korelasi Pearson dan analisis regresi. Pekali korelasi Pearson (r) hanya mengambil nilai dari -1 hingga +1 yang menunjukkan sama ada terdapat korelasi positif (apabila satu pemboleh ubah meningkat, pemboleh ubah lain juga meningkat) atau korelasi negatif (apabila satu pemboleh ubah meningkat, pemboleh ubah lain menurun). Tanda nilai mutlak (mengabaikan tanda) memberikan petunjuk kekuatan hubungan. Korelasi 0 menunjukkan tiada hubungan antara dua pemboleh ubah. Menurut Cohen (1998), kekuatan hubungan adalah rendah apabila pekali korelasi Pearson (r) berjudat dari 0.1 hingga 0.29 atau -0.1 hingga -0.29; sederhana apabila (r) berjudat dari 0.3 hingga 0.49 atau -0.3 hingga -0.49; dan tinggi apabila (r) berjudat dari 0.5 hingga 1 atau -0.5 hingga -1. Analisis regresi kemudiannya dijalankan untuk menilai kuasa ramalan peramal (pemboleh ubah bebas) dalam menjelaskan varians pemboleh ubah bersandar. Keputusan analisis korelasi Pearson dan analisis regresi ditunjukkan dalam Jadual 3 dan Jadual 4.

Jadual 3. Analisis Korelasi Pearson

Pembolehubah	Literasi Kewangan	Pendidikan Kewangan	Prestij-Kuasa	Ketidakpercayaan	Kebimbangan
Literasi Kewangan	1.00				
Pendidikan Kewangan	0.338**	1.00			
Prestij-Kuasa	0.230*	-0.088	1.00		
Ketidakpercayaan	0.401**	0.313**	0.350**	1.00	
Kebimbangan	0.282*	0.329**	0.215	0.655**	1.00

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01

* Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, hubungan terkuat wujud antara kebimbangan dan ketidakpercayaan ($r=0.655$). Manakala, terdapat korelasi sederhana antara ketidakpercayaan dan literasi kewangan ($r=0.401$), ketidakpercayaan dan prestij-kuasa ($r=0.350$), pendidikan kewangan dan literasi kewangan ($r=0.338$), kebimbangan dan pendidikan kewangan ($r=0.329$), dan ketidakpercayaan dan pendidikan kewangan ($r=0.313$). Hubungan dengan kekuatan paling rendah adalah antara kebimbangan dan literasi kewangan ($r=0.282$) serta prestij-kuasa dan literasi kewangan ($r=0.230$).

Jadual 4. Ringkasan Model (Analisis Regresi)

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Change Statistics				
					R Square Change	F	df1	df2	Sig. F Change
1	0.483 ^a	0.233	0.191	0.486	0.233	5.482	4	72	0.001

a. Peramal: (Tetap), Kebimbangan, Prestij-Kuasa, Pendidikan Kewangan, Ketidakpercayaan

Berdasarkan Jadual 4, nilai $R=0.483$ menunjukkan bahawa kekuatan hubungan antara pemboleh ubah bebas dan bersandar adalah agak tinggi. Nilai R^2 0.233 menunjukkan bahawa 23.3% daripada varians dalam literasi kewangan bagi sampel ini dijelaskan oleh empat pemboleh ubah iaitu

pendidikan kewangan, prestij-kuasa, ketidakpercayaan, dan kebimbangan. Ini menyimpulkan bahawa 76.7% daripada varians dalam literasi kewangan dijelaskan oleh pemboleh ubah lain yang tidak termasuk dalam kajian ini. Selain itu, nilai R^2 terlaras pada 0.191 yang menunjukkan bahawa 19.1% literasi kewangan dalam populasi ini dijelaskan oleh pendidikan kewangan, prestij-kuasa, ketidakpercayaan, dan kebimbangan. Nisbah F dalam jadual Analisis Regresi di atas bertujuan menguji sama ada model regresi secara keseluruhannya adakah sesuai untuk data ataupun tidak. Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa pemboleh ubah bebas secara statistik meramalkan pemboleh ubah bersandar secara signifikan, dimana $F(4, 72) = 5.482$, $p < .0005$. Ini menunjukkan bahawa model regresi ini adalah sesuai dengan data.

Jadual 5. Analisis Regresi

Peramal (Pemboleh ubah Bebas)	Standardized Coefficient Beta	t	Signifikan (p)
Pendidikan Kewangan	0.275	2.430	0.018
Prestij-Kuasa	0.164	1.453	0.151
Ketidakpercayaan	0.270	1.862	0.067
Kebimbangan	-0.020	-0.147	0.884

Pemboleh ubah Bersandar: Literasi Kewangan
 R^2 Dilaraskan = 0.191

Analisis regresi dijalankan untuk menilai kuasa ramalan peramal (atau pemboleh ubah bebas) iaitu pendidikan kewangan, prestij-kuasa, ketidakpercayaan, dan kebimbangan dalam menerangkan varians pemboleh ubah bersandar iaitu literasi kewangan. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5, hasil analisis mendapati hanya pendidikan kewangan mempunyai aras signifikan dibawah 0.05, iaitu 0.018. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara pendidikan kewangan dan literasi kewangan. Nilai pekali piawai (*coefficient*) untuk pendidikan kewangan ($\beta=0.275$) adalah yang tertinggi antara peramal, sekaligus meletakkannya sebagai pemboleh ubah paling penting bagi meramalkan literasi kewangan pelajar universiti. Hal ini dibuktikan oleh dapatan kajian lepas dimana semakin banyak pendidikan kewangan yang diterima atau dipelajari oleh seseorang individu, semakin tinggi tahap literasi kewangan mereka (Wagner, 2019; Estelami & Estelami, 2023). Ini bermaksud individu tersebut boleh menilai dan membuat keputusan berkaitan kewangan dengan bijak dan berhemah.

Jadual 6. Ringkasan Statistik

Hipotesis	Coefficient (r)	Signifikan (p)	Keputusan
H1: Terdapat hubungan positif yang signifikan di antara pendidikan kewangan dan literasi kewangan.	0.275	0.018	Diterima
H2: Terdapat hubungan positif yang signifikan di antara prestij-kuasa dan literasi kewangan.	0.164	0.151	Ditolak
H3: Terdapat hubungan positif yang signifikan di antara ketidakpercayaan dan literasi kewangan.	0.270	0.067	Ditolak
H4: Terdapat hubungan positif yang signifikan di antara kebimbangan dan literasi kewangan.	-0.020	0.884	Ditolak

Jadual 6 menunjukkan ringkasan statistik keputusan hipotesis bagi kajian ini. Analisis yang dibincangkan di atas telah berjaya menguji dan menyokong H1: Terdapat hubungan *positif* yang signifikan antara pendidikan kewangan dan literasi kewangan kerana nilai $p=0.018$ adalah kurang daripada aras signifikan ($p \leq 0.05$) manakala analisis korelasi menunjukkan hubungan positif antara kedua-dua pemboleh ubah ($r=0.275$). Ini menunjukkan bahawa pendidikan kewangan amat penting dalam menentukan tahap literasi kewangan pelajar universiti. Ilmu kewangan yang dimiliki membolehkan pelajar untuk membuat keputusan berkaitan kewangan seperti perbelanjaan,

pendapatan, dan simpanan dengan lebih terurus. Maka, sikap boros dan perbelanjaan yang tidak berhemah dan mengikut nafsu dapat dielakkan. Ini penting kerana majoriti pelajar tidak mempunyai pendapatan sendiri dan hanya bergantung kepada pinjaman pendidikan serta elaun yang diberikan oleh ibu bapa mereka. Oleh itu, mereka seharusnya menghargai dan menggunakan setiap wang yang ada sebaik mungkin bagi keperluan pendidikan dan perbelanjaan di kampus dan bukannya dibazirkan dengan pembelian yang tidak perlu. Hasil kajian ini konsisten dengan dapatan kajian terdahulu yang menunjukkan hubungan signifikan yang positif antara pendidikan kewangan dan literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti (Lusardi, 2019; Wegner, 2019).

Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan sokongan untuk *H2: Terdapat hubungan positif yang signifikan antara prestij-kuasa dan literasi kewangan* kerana analisis korelasi menunjukkan hubungan positif yang lemah ($r=0.164$). Analisis regresi lanjut untuk menguji H2 menunjukkan hubungan yang tidak signifikan antara prestij-kuasa dan literasi kewangan dengan nilai signifikan $p=0.151$ yang melebihi aras signifikan ($p\leq 0.05$). Dapatan ini bertentangan dengan Sabri et al. (2020) yang mendapati pelajar dengan prestij-kuasa yang tinggi akan lebih boros berbelanja dan mengikut emosi kerana ingin menunjuk-nunjuk kepada rakan mereka. Hasil kajian ini membuktikan bahawa pelajar universiti tidak mementingkan prestij-kuasa untuk berbelanja bagi tujuan menunjuk-nunjuk atau mementingkan status. Ini mungkin disebabkan kebanyakan mereka tidak mempunyai pendapatan yang tinggi kerana masih belum bekerja dan bergantung sepenuhnya kepada elaun daripada ibu bapa dan pinjaman pendidikan. Jadi, mereka lebih berhati-hati dalam berbelanja dan wang yang diperolehi hanya cukup untuk menampung perbelanjaan seharian di kampus.

Hipotesis ketiga, *H3: Terdapat hubungan positif yang signifikan di antara ketidakpercayaan dan literasi kewangan* juga ditolak kerana tahap signifikan, ($p = 0.067$) iaitu lebih daripada tahap signifikan yang dipilih iaitu ($p\leq 0.05$) dan analisis korelasi menunjukkan hubungan positif yang lemah antara dua pemboleh ubah ($r = 0.270$). Dapatan ini menunjukkan pelajar tidak memerlukan khidmat nasihat daripada rakan-rakan atau orang di sekeliling dalam membuat pembelian kerana kebanyakan produk yang dibeli oleh pelajar bukanlah barang mewah yang memerlukan analisa kritikal seperti pembelian kereta, rumah, perabot dan sebagainya. Malah pembelian tersebut biasanya diperlukan oleh semua pelajar untuk menjalani proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan seperti buku teks dan bahan rujukan. Pelajar juga akan membuat pembelian mengikut naluri berdasarkan selera masing-masing seperti makanan dan tidak memerlukan khidmat nasihat yang kritikal daripada orang lain. Jadi hasil kajian ini bertentangan dengan dapatan oleh Widyakto et al. (2022) yang mengatakan pelajar perlu mendapatkan khidmat nasihat yang berharga dalam membuat perbelanjaan kerana ia lebih sesuai untuk pembelian yang bernilai tinggi.

Hipotesis keempat, *H4: Terdapat hubungan positif yang signifikan antara kebimbangan dan literasi kewangan*, juga ditolak kerana hubungan antara pemboleh ubah adalah tidak signifikan secara statistik dengan nilai signifikan $p=0.884$ yang melebihi aras signifikan ($p\leq 0.05$). Tambahan pula, korelasi Pearson menunjukkan hubungan yang negatif yang sangat lemah antara dua pemboleh ubah ($r=-0.020$). Ini berkemungkinan disebabkan oleh kebanyakan pelajar universiti tidak mudah merasa bimbang apabila tidak mempunyai wang yang banyak kerana mereka tidak mempunyai komitmen yang tinggi untuk membayar hutang atau ansuran bulanan seperti pembiayaan peribadi kereta atau rumah. Kebiasaannya, ibu bapa akan memberi elaun atau wang yang mencukupi pada setiap bulan untuk anak mereka belajar dan berbelanja di universiti. Jadi, tekanan atau kebimbangan pelajar agak kurang kerana mereka boleh menjangkakan jumlah perbelanjaan yang diperlukan pada setiap bulan sehingga tamat pengajian di universiti. Malah, pelajar yang menerima pinjaman pendidikan juga tidak perlu risau buat masa ini kerana pinjaman tersebut hanya perlu dibayar setelah mereka tamat pengajian kelak. Hasil kajian ini bertentangan dengan dapatan oleh kajian terdahulu yang mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara kebimbangan dan literasi kewangan dimana individu dengan tahap kebimbangan yang tinggi akan membuat lebih banyak pinjaman untuk membiayai komitmen bulanan mereka (Desarbo & Edwards, 1996; Perry et al., 2023).

Kesimpulan

Kajian ini menganalisis beberapa faktor yang mempengaruhi literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti. Daripada segi demografi, hasil kajian menunjukkan bahawa para responden

didominasi oleh perempuan dan berumur antara 21 hingga 22 tahun. Kebanyakan mereka tidak mempunyai sebarang pendapatan kerana masih berstatus pelajar. Kajian ini berjaya mendedahkan bahawa pendidikan kewangan mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan literasi kewangan dan menjadi faktor utama yang mempengaruhi literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti. Walau bagaimanapun, faktor-faktor lain seperti prestij-kuasa, ketidakpercayaan, dan kebimbangan tidak menyumbang kepada tahap literasi pelajar universiti. Kajian ini mempunyai beberapa implikasi. Pertama, ianya telah memperluas pemahaman dan perkembangan ilmu tentang faktor-faktor yang mempengaruhi literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti. Kedua, pendidikan kewangan akan menjadi pemacu terpenting bagi meningkatkan tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti. Justeru, pelbagai program berkaitan pendidikan kewangan perlu dititikberatkan dan sentiasa diadakan di semua peringkat termasuk universiti untuk memupuk kesedaran dan meningkatkan tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar. Pelbagai pihak termasuk pengurusan universiti serta agensi kerajaan dan swasta perlu berganding bahu untuk sama-sama menjayakan program berkaitan kewangan.

Terdapat kekangan dalam kajian ini yang mungkin menyekat kebolehgeneralisasian hasil kajian dan ini boleh ditangani dalam kajian akan datang. Pertama, kajian ini terhad kepada pelajar semester 5 yang mengikuti program Sarjana Muda Pengurusan Pejabat di UiTM Pahang. Para pelajar dari fakulti dan cawangan UiTM yang lain di negara ini dikecualikan daripada penyelidikan kerana kekangan masa. Akibatnya, kajian ini tertakluk kepada batasan dan kemungkinan berat sebelah serta tidak mewakili keseluruhan pelajar universiti di Malaysia. Penyelidikan pada masa hadapan boleh mengambil kira jumlah responden dari UiTM cawangan lain serta universiti-universiti yang ada di Malaysia. Selain itu, kajian lanjut juga boleh mengambil kira faktor-faktor lain sebagai pemboleh ubah tidak bersandar seperti personaliti individu, pengaruh rakan sebaya, dan sikap individu terhadap perbelanjaan berhemah bagi menentukan tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti.

Rujukan

- Ahmad, J. (2020). The SMEs Owner Manager's Money Attitude: Theory and Review on Literature. *Educational Research (IJMCER)*, 2(5), 01-06.
- Bana Lim, E. C., Garcia, D. C., Tan, J. L., & Yao, A. H. (2021). The impact of financial literacy, attitude, and behavior on financial well-being among Metro Manila residents. Retrieved from https://animorepository.dlsu.edu.ph/etdb_finman/9
- Chen, H., & Volpe, R. P. (2002). Gender differences in personal financial literacy among college students. *Financial services review*, 11(3), 289-307.
- Cohen, J. (1998) *Statistical Power Analysis for the Behavioural Sciences*. Lawrence Erlbaum Associates, Hillsdale.
- DeSarbo, W. S., & Edwards, E. A. (1996). Typologies of compulsive buying behavior: A constrained cluster wise regression approach. *Journal of Consumer Psychology*, 5, 231-262.
- Estelami, H. & Estelami, N. (2023). The differential impact of cognitive style on the relationship between financial education and financial literacy. *Journal of Financial Services Marketing*. <https://doi.org/10.1057/s41264-022-00204-6>
- Evans, J., and Stanovich, K. (2013). Dual-Process theories of higher cognition: advancing the debate. *Perspect. Psychol. Sci.* 8, 223-241. doi: 10.1177/1745691612460685
- Glaser, M., & Walther, T. (2014). Run, walk, or buy? Financial literacy, dual-process theory, and investment behavior. In *SSRN Electronic Journal*.
- Gudmunson, C. G., & Danes, S. M. (2011). Family financial socialization: Theory and critical review. *Journal of Family and Economic Issues*, 32(4), 644-667.
- Hazudin, S.F., Tarmuji, N.H., Kader, M.A.R.A., Abd Majid, A., Abd Aziz, N.N. & Ishak, M. (2018). The relationship between previous mathematics performance, and level of financial literacy and financial well-being of university students. *AIP Conference Proceedings* 1974, 050001 (2018); doi: 10.1063/1.5041701
- Ida, Sri Zaniarti, & Wijaya, G.E. (2020). Financial Literacy, Money Attitude, Dan Financial Management Behavior Generasi Milenial. *Jurnal Muara Ilmu Ekonomi dan Bisnis*, 4(2), 406-413.

- Jabatan Insolvensi Malaysia (2023). Statistik kebangkrutan 2023. <https://www.mdi.gov.my/index.php/ms/perundangan/statistik/75-kebankrapan/2215-statistik-kebankrapan-2023>
- Jerrim, J., Lopez-Agudo, L.A. & Marcenaro-Gutierrez, O.D. (2022). The link between financial education and financial literacy: A cross-national analysis. *The Journal of Economic Education*, 53(4), 307-324. DOI: 10.1080/00220485.2022.2111383
- Khalisharani, H., Johan, I.R., & Sabri, M.F. (2022). The Influence of Financial Literacy and Attitude Towards Financial Behaviour Amongst Undergraduate Students: A Cross-Country Evidence. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 30(2), 449 – 474.
- Lay, A., & Furnham, A. (2019). A new money attitudes questionnaire. *European Journal of Psychological Assessment*, 35(6), 813–822.
- Lusardi, A. & Messy, F. (2023). The importance of financial literacy and its impact on financial wellbeing. *Journal of Financial Literacy and Wellbeing* , 1(1), 1-11.
- Lusardi, A. (2019). Financial literacy and the need for financial education: Evidence and implications. *Swiss Journal of Economics and Statistics*, 155(1), 1-8. <https://doi.org/10.1186/s41937-019-0027-5>
- Md Zeni, S., Hashim, A., Md Din, N. & Nias Ahmad, M.A. (2021). Pengurusan Kewangan Mahasiswa. *Gading (Online) Journal for Social Sciences*, 24(03), 62-66.
- Pereira, M. C., & ve Coelho, F. (2020). Regulatory focus, money attitudes and financial literacy: Evidence from Portuguese young adults. *Journal of Family and Economic Issues*, 41(4), 615–625. <https://doi.org/10.1007/s10834-020-09662-3>
- Perry, J. M., Ravat, H., Bridger, E. K., Carter, P., & Aldrovandi, S. (2023). Determinants of UK students' financial anxiety amidst COVID-19: Financial literacy and attitudes towards debt. *Higher Education Quarterly*. <https://doi.org/10.1111/hequ.12473>
- Rahman, M., Isa, C. R., Masud, M. M., Sarker, M., & Chowdhury, N. T. (2021). The role of financial behaviour, financial literacy, and financial stress in explaining the financial well-being of B40 group in Malaysia. *Future Business Journal*, 7(1), 1-18. <https://doi.org/10.1186/s43093-021-00099-0>
- Roberts, J. A., & Jones, E. (2001). Money attitudes, credit card use, and compulsive buying among American college students. *Journal of Consumer Affairs*, 35(2), 213–240.
- Sabri, M. F., Rahim, H. A., Wijekoon, R., Zakaria, N. F., Magli, A. S., & Reza, T. S. (2020). The Mediating Effect of Money Attitude on Association Between Financial Literacy, Financial Behaviour, and Financial Vulnerability. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(15), 340–358
- Saiedi, E., Mohammadi, A., Broström, A., & Shafi, K. (2020). Distrust in Banks and Fintech Participation: The Case of Peer-to-Peer Lending. *Entrepreneurship Theory and Practice*. https://doi.org/10.1177_1042258720958020
- Sedgwick, P. (2013). Convenience sampling. *Bmj*, 347.
- Sharma, G. (2004). Financial literacy: A student and young adult perspective. Retrieved from http://cfltaskforce.treasury.gov.au/content/_download/submissions/sharma_g.pdf
- Shih, T. Y., & Ke, S. C. (2014). Determinates of financial behavior: insights into consumer money attitudes and financial literacy. *Service Business*, 8(2), 217-238.
- Sushma, S. & Chaarumala, M. (2023). Financial Literacy Among University Students in South Asia: an Examination of the Factors Affecting Financial Literacy and Its Impact on University Students Savings Attitude. *The Social Science Research Network*, 1-7. <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.4531136>
- Wagner, J. (2019). Financial Education and Financial Literacy by Income and Education Groups. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 30(1), 132-141.
- Widyakto, A., Liyana, Z. W., & Rinawati, T. (2022). The influence of financial literacy, financial attitudes, and lifestyle on financial behavior. *Diponegoro International Journal of Business*, 5(1), 33-46. <https://doi.org/10.14710/dijb.5.1.2022.33-46>.